

13 JAN 2003

Hadi-Islam

TERENGGANU SETUJU BINCANG SERAGAMKAN PERUNDANGAN ISLAM

KUALA TERENGGANU, 13 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata Terengganu bersetuju berbincang dengan kerajaan Pusat bagi mencari jalan untuk menyeragamkan sistem perundangan Islam di negara ini.

Beliau berkata penyeragaman perundangan Islam itu haruslah bertujuan untuk menyelesaikan masalah sistem syariah Islam mengikut kehendak agama dan bukan sekadar menangani isu tertentu.

"Kalau sekadar nak menyelesaikan masalah poligami, nak menyelesaikan masalah nafkah, bukan itu sahaja... Islam ini lebih luas daripada itu lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis angkat sumpah Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan pusat akan mengadakan perbincangan segera dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi mencari jalan untuk menyeragamkan sistem perundangan Islam negara.

Kewibawaan Mahkamah Syariah dipersoalkan berikutan kejadian seorang ibu yang juga peguam, Fauziah Abdul Rahman, 32, menjadi mangsa ketidakseragaman sistem perundangan syariah apabila hak penjagaan anak di mahkamah Kuala Terengganu memihak kepadanya, manakala mahkamah Alor Star pula memihak kepada bekas suaminya.

Abdul Hadi berkata penyeragaman perundangan itu memerlukan penelitian rapi mengikut kaedah Islam kerana ianya melibatkan aspek yang luas.

Bagaimanapun beliau meragui kebolehan kerajaan Pusat dalam menyeragamkan perundangan Islam kerana perundangan sedia ada telah diguna pakai sejak 40 tahun dahulu.

"Langkah penyeragaman itu perlu tetapi ianya perlu kepada kuasa pemerintahan yang betul-betul mantap yang mempunyai matlamat untuk menyelesaikan masalah secara Islam," katanya.

-- BERNAMA

MRA NAK